



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN TAWARAN (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN MEMBEKAL, MENGHAFTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH PEROLEHAN PERKAKASAN, PERISIAN, RANGKAIAN ICT, ALATAN DAN MODUL PEMBELAJARAN (COURSEWARE) BAGI MENAIKTARAF PROGRAM SIJIL KE PERINGKAT DIPLOMA KOMPETENSI SISTEM RANGKAIAN (CCNA-CCNP) DI IKM BESUT, IKM SIK DAN IKM LUMUT

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT LAWATAN TAPAK & TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
59/2019	210101, 210102, 210103, 210105 dan 210107	11/10/2019 Hingga 21/10/2019	1. LAWATAN TAPAK & TAKLIMAT TENDER 22/10/2019 10.30 pagi INSTITUT KEMAHIRAN MARA BESUT, Jln Batu Tumbuh, Alor Lintang, 22200 Besut, Terengganu	RM60.00	14/11/2019 (sebelum 12.00 tengah hari)
			2. LAWATAN TAPAK 23/10/2019 11.00 pagi INSTITUT KEMAHIRAN MARA SIK, Jln Sek Agama Sik, 08200 Sik, Kedah		
			3. LAWATAN TAPAK 24/10/2019 11.00 pagi INSTITUT KEMAHIRAN MARA LUMUT, Jln Kampung Dato Seri Kamarudin, 32040 Seri Manjung, Perak		

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa membeli dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **DRAF BANK / WANG POS** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi – 4.30 petang) **di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.**

5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri lawatan tapak & taklimat tender seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen.** Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. **Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.**

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (Kaunter Tender) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

Pada atau sebelum 12.00 tengah hari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>